

**NO. SOALAN: 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[ PENDANG ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7241**

**SOALAN:**

**Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pihak polis telah menyiasat dan mengambil tindakan terhadap DSP Ravindran Kutty Krishnan dari IPK Selangor yang memaki, mencaci, meludah dan mencabar bertumbuk dengan ASP Ahmad b. Mat Nor seperti yang tersebar dalam media sosial. Kalau tidak, mengapa.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM telah membuka kertas siasatan tatatertib terhadap DSP Ravindran Kutty Krishnan dari IPK Selangor atas perlakuan tidak sopan beliau terhadap pegawai kanan polis seperti yang tersebar di laman sosial. Sebagai tindakan segera pegawai berkenaan telah ditukarkan ke Batalion 11, Pasukan Gerakan Am, Batu Kawa, Kuching, Sarawak dan hasil siasatan tatatertib telah membuat keputusan untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap beliau dengan tiga pertuduhan.**

**Pihak PDRM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tatatertib atau mendakwa di mahkamah terhadap pegawai polis yang menyalahgunakan kuasa atau yang melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pasukan bagi menentukan pegawai polis sentiasa mempamerkan tahap disiplin yang tinggi sepanjang masa dan menjalankan tugas mengikut lunas undang-undang.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED  
[ PULAI ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 32**

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [ Pulai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU) jelaskan bilakah Kerajaan akan mula memperkenalkan caj Permit Kenderaan Kenderaan (VEP) dari Singapura ke Malaysia, berapa kadar VEP terbabit dan berapa yang akan disalurkan kepada Kerajaan Johor.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji pelaksanaan VEP bagi kenderaan pendaftaran asing ke Malaysia dan tarikh kuatkuasa akan ditetapkan selepas Kerajaan menyiapkan sistem yang bersesuaian bagi pelaksanaan ini.